

MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DAN ORANG ASLI

Saya telah menyampaikan watikah pelantikan kepada seramai 201 orang Veteran Angkatan Tentera Malaysia (VAT) dan Orang Asli (OA) bagi Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (*Biodiversity Protection and Patrolling Programme* - BP3) yang telah tamat menjalani latihan asas pada pagi ini.

BP3 merupakan inisiatif Kementerian Tenaga dan Sumber Asli melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) yang dilancarkan pada 29 Jun 2020 melibatkan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perhutanan Negeri, agensi-agensi penguatkuasaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta VAT dan OA untuk mengukuhkan penguatkuasaan bagi membanteras pencerobohan, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar.

BP3 yang melibatkan pelantikan seramai 225 orang VAT dan OA pada tahun 2020 telah mencatatkan kejayaan yang besar dalam meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dengan penangkapan seramai 135 orang pesalah yang merangkumi 96 warga tempatan dan 39 warga asing. Selain itu, sebanyak 630 jerat dan 141 khemah pendatang tanpa izin telah berjaya dimusnahkan. Nilai sitaan pula dianggarkan sebanyak RM1,781,600.00.

BP3 diperkukuhkan pada tahun 2021 melibatkan pelantikan seramai 600 orang VAT, Veteran Polis Diraja Malaysia (VPDRM) dan OA serta peningkatan kawasan liputan penguatkuasaan di kawasan habitat utama Harimau Malaya di Semenanjung Malaysia seluas 20,000 kilometer persegi dengan peruntukan sebanyak RM32 juta. Sehingga kini, seramai 538 orang VAT, VPDRM dan OA telah dilantik.

VAT, VPDRM dan OA yang terpilih perlu menjalani latihan asas dalam bidang pengurusan risiko; polisi dan perundangan hidupan liar; operasi penguatkuasaan; pengurusan sempadan; pengurusan hidupan liar; inventori dan pemantauan; *SMART Patrolling*, pelaporan pentadbiran; dan jenayah hidupan liar.

Selain meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan, BP3 telah memupuk rasa kebertanggungjawaban untuk melindungi khazanah biodiversiti negara serta meningkatkan kesejahteraan komuniti VAT, VPDRM dan OA.

Justeru, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan Malaysia yang telah menyediakan peruntukan bagi mengukuhkan BP3 serta PDRM, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang telah membantu dalam urusan pelantikan VAT, VPDRM dan OA.

YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ NASARAH

MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

5 APRIL 2021

